

PENTAKSIRAN HOLISTIK DALAM PROSES PENILAIAN KEMENJADIAN MURID TAHFIZ

oleh

PROF MADYA DR. HABIB MAT SOM

RASIONAL

Dunia pendidikan adalah bersifat dinamik dan sentiasa bertindakbalas atas keperluan semasa dan jangkaan masa hadapan. Justeru pakar-pakar pendidikan di seluruh dunia telah memaknakan semula konsep dan fungsi pendidikan supaya pendidikan yang dilaksanakan adalah relevan dan signifikan terhadap pembangunan manusia (Hallinger, 1998).

Al Attas (1998) menyatakan makna dan tujuan pendidikan adalah dua unsur yang saling berkaitan. Secara umum menurut beliau tujuan pendidikan adalah untuk tujuan kemasyarakatan dan ummah secara keseluruhannya yang beranggapan sarana utama adalah untuk menciptakan rakyat yang baik (memiliki kemenjadian). Pandangan keduanya adalah untuk mencapai maksud mencapai kejayaan individu untuk memenuhi kelangsungan hidup (survival).

Namun realiti semasa menunjukkan pendidikan telah menjadi alat mobiliti sosial-ekonomi individu dan negara. Dominasi ini telah melahirkan *patalogi* psiko-sosial terutama dalam kalangan guru, ibubapa dan masyarakat yang dikenal sebagai “Penyakit Diploma”. Penyakit sedemikian telah menyumbang kepada terciptanya situasi sosial-politik serba kacau. Muhammad Iqbal telah “menyelar” situasi ini yang menurutnya hala tuju pendidikan tidak berperanan memanusiakkan insan malah sebaliknya merendahkan martabat manusia itu sendiri. Al Attas (1998) seterusnya menyatakan orang “terpelajar “ adalah orang baik dalam pengertian menyeluruh (holistik) yang meliputi kehidupan spiritual dan material.

Persoalannya ialah bagaimanakah kita boleh menentukan orang terpelajar itu sebagai orang yang baik sedangkan kebaikan itu sendiri kurang menjadi fokus dalam menentukan seseorang pelajar itu “menjadi”. Indeks petunjuk prestasi pelajar masih berorientasikan pencapaian akademik dan keaktif dalam bidang kokurikulum (yang tidak menyeluruh pengelibatannya). Kita masih lagi terbelenggu dengan pendidikan berorientasikan peperiksaan sehingga produk akhir yang dikejar adalah kejayaan pelajar memperolehi gred yang baik dalam peperiksaan. Aspek “baik” kurang diberi fokus justeru kemenjadian murid yang menjadi aspirasi pendidikan semasa dalam aspek bukan akademik dianggap “remeh” oleh sesetengah pihak.

Ralph Tyler (1949) dalam membincangkan persoalan tentang perkembangan kurikulum sekolah mengutarakan Rasional yang perlu dijawab oleh pihak berwajib iaitu;

- a) apakah matlamat yang hendak dicapai oleh kurikulum sekolah
- b) apakah kandungan / bahan kurikulum yang disediakan dapat mencapai matlamat kurikulum seperti ditentukan
- c) apakah strategi yang diaplikasikan bagi mencapai matlamat ditentukan
- d) bagaimanakah menilai sama ada matlamat kurikulum dapat dicapai

Berasaskan pemikiran klasik Tyler tentang Perkembangan Kurikulum tersebut dapat dirumuskan bahawa aspek penilaian adalah penting dan menjadi sebahagian dari putaran proses perkembangan kurikulum yang dapat memberi maklum balas sama ada sesuatu kurikulum dapat memenuhi matlamat yang ditentukan. Dalam konteks pendidikan sekolah menengah tahfiz aspek penilaian juga tidak terkecuali. Elemen penilaian kurikulum perlu dilakukan reform dari segi pentaksiran secara holistik. Elemen berikut perlu diambil kira dalam mentaksir murid secara holistik dari segi;

- Pembangunan peribadi dan potensi pelajar
- Menjadi insan produktif dalam setiap bidang bakal diceburi
- Melahirkan generasi Al- Quran

- Keupayaan memimpin dan mengurus diri
- Istiqamah dalam melaksanakan suruhan Allah
- Hafazan dan bacaan Al Quran

Dalam erti kata lain, Pendidikan Tahfiz harus melihat keberkesanan institusi sekolahnya melahirkan generasi Al Quran yang menampilkan ciri insan pelajar yang bersepadu seperti disarankan oleh kamal Hassan (1988) iaitu ;

- Menginsafi kewujudan manusia sebagai kesatuan ruh, akal dan jasad di mana kesucian ruhanilah yang berfungsi untuk meniupkan perkembangan sahsiah seseorang secara keseluruhannya
- Berupaya melaksanakan tuntutan Allah dalam pelbagai aspek seperti pembangunan ekonomi , budaya, sosial yang membolehkan insan muslim yang terdidik mampu menjadi pemain utama dalam pelbagai bidang kehidupan

KEMENJADIAN PELAJAR: SATU SOROTAN ISU

Sesuatu generasi menggambarkan keadaan atau situasi di mana setiap individu mempunyai pembawaan diri dan pengalaman yang berbeza dan mempunyai sifat-sifat khusus. Ianya juga menggambarkan bagaimana generasi tersebut melihat pandangan dunia (tasawwur) pada perspektif mereka. Setiap generasi juga mempunyai nilai, budaya, kepercayaan, pandangan hidup, kegemaran dan tret personaliti yang berbeza terhadap kehidupan. Tapscott (2008) mengkategorikan generasi kehidupan penduduk dunia kepada beberapa kelompok

- Pre Baby Boom (lahir pada 1945 dan sebelumnya)
- The Baby Boom (lahir antara 1946-1964)
- The baby Bust (lahir antara 1965-1976)- **Generasi X**
- The Echo of the Baby Boom (lahir antara 1977-1997) – **Generasi Y**
- Generation Net (lahir antara 1998-2009)- **Generasi Z**
- Generation Alpha (lahir pada 2010--)- **Generasi A**

Berdasarkan pengkelasan di atas kita telah dapat mengenalpasti bahawa pelajar tahfiz yang belajar dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima adalah tergolong dalam Generasi Z (lahir tahun 1998-2000) Pelajar Generasi Z menurut Tapscott (2008) mempunyai ciri berikut;

- Generasi teknologi yang suka melayari internet dan web sejak usia mereka belum boleh bercakap. Mereka membesar dalam dunia semuanya berhubung menerusi teknologi.
- Menghabiskan banyak masa berinteraksi secara online berbanding alam nyata
- Berkemahiran mengakses kepada kebanyakan alat telekomunikasi seperti iPads, PDA, MP3 player, dan lain-lain dengan melayari Worl Wide Web dan terbiasa dengan tindakan segera.
- Menggunakan teknologi dalam kebanyakan urusan harian
- Agak lemah dalam kemahiran lisan dan komunikasi fizikal
- Kurang mempunyai kemahiran mendengar dan melayan dengan baik
- Kurang memberi fokus kepada aspek nilai-nilai kekeluargaan
- Kebanyakannya bersifat individualistik dalam perwatakan serta memiliki persona tersendiri serta tidak mengikut norma-norma sosial yang biasa
- Bersikap kurang sabar kerana mereka memerlukan hasil yang segera
- Jarang membuat pertemuan secara bersemuka bersama rakan dalam membina jalur komunikasi berkesan tetapi mampu membentuk komuniti besar melalui rangkaian secara global tanpa perlu mengenali sesiapa pun secara peribadi

Demografi generasi Z yang merupakan generasi remaja di alam persekolahan ketika ini memberikan implikasi yang membimbangkan sekiranya masyarakat dewasa khususnya para guru tidak dapat menyantuni mereka dengan berkesan. Apa yang nyata wujud jurang generasi antara guru (tergolong dalam generasi X dan Y) yang melihat dunia dan norma kehidupan serta aspek kemenjadian murid pada perpektif berbeza dengan pelajar-pelajar mereka sendiri.

Aspek yang perlu difikirkan adalah hakikat bahawa Generasi Z tersebut merupakan bakal pemimpin masa hadapan dan bertanggungjawab mencorakkan ummah di mana

mereka dikenali sebagai *the silent generation*. yang membentuk hampir 18 peratus populasi penduduk dunia.

Berdasarkan fenomena di atas, terdapat kewajaran yang sangat signifikan sekolah-sekolah tahfiz perlu mempunyai mekanisma yang efektif bagaimana memantau dan seterusnya mentaksir kementerian pelajar mereka bagi memastikan pelajar-pelajar tahfiz setelah tamat alam persekolahan mampu menonjolkan ciri-ciri seorang pelajar soleh dan istiqamah dalam melaksanakan suruhan agama dan seterusnya mampu menguasai ilmu Al Quran terutama aspek hafazan serta menguasai aspek pengetahuan arus perdana dan sebagainya.

Karakter generasi pelajar masa kini yang “membimbangkan” dari segi pengaliran generasi soleh, ditambah pula dengan fenomena masyarakat semasa akibat pengaruh teknologi komunikasi dan kesan gelombang globalisasi dan revolusi industri 4.0 seharusnya menjadi premis yang kuat mengapa perlu pelajar kita sentiasa dipantau perkembangan sahsiah, kemajuan akademik dan kementerian mereka secara holistik. Hussien Ahmad (2001) yang menekuni fenomena remaja di kebanyakan bahagian dunia merumuskan kes keganasan pelajar dan salah laku moral berkaitan dengan budaya samseng, budaya liar, membuli, pergaduhan sesama pelajar, kurang menghormati guru, vandalisme dan sebagainya adalah sangat membimbangkan dan beliau tidak menolak kemungkinan fenomena tersebut akan mendominasi trend remaja di negara kita.

Fenomena yang membimbangkan tersebut, misalnya statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan pada tahun 2006 mencatatkan penglibatan orang Melayu Islam adalah sebanyak 65.9 peratus. Kes pelacuran yang bersumberkan data Jabatan Kebajikan Malaysia menunjukkan penglibatan remaja Melayu Islam yang berumur 18 tahun ke bawah adalah sebanyak 76.3 peratus dan maklumat dari Jabatan Pendaftaran Negara sekitar 2008 sahaja terdapat 254 411 anak tidak sah taraf telah didaftarkan. Fenomena tersebut secara keseluruhannya sekiranya berlaku secara berterusan, kita tidak dapat menyangkal terdapat kemungkinan segelintir pelajar aliran

agama dan tahfiz juga akan terpengaruh memandangkan corak interaksi remaja yang terkesan oleh komunikasi global yang didasari oleh teknologi ICT.

KERANGKA PENTAKSIRAN HOLISTIK DALAM PENILAIAN KEMENJADIAN MURID

Kerangka pentaksiran hendaklah merangkumi dimensi berikut;

a) Mentaksir domain kognitif, psikomotor dan afektif secara seimbang

Apek pentaksiran tidak terlalu memberi penekanan terhadap domain kognitif (pengetahuan) . Domain psikomotor (kemahiran) pula perlu merangkumi cakupan elemen yang lebih luas seperti kemahiran sosial, kemahiran komunikasi dan kemahiran pengurusan diri. Domain afektif yang “terabai” dalam kerangka penilaian secara tradisi perlu diberi penekanan dengan tumpuan kepada aspek nilai murni, dan akhlak, perkembangan diri, motivasi, kepimpinan, kemahiran komunikasi, jati diri, pembentukan insan mulia, melazimi suruhan agama dan sebagainya.

b) Kemenjadian murid perlu ditafsir pada elemen yang signifikan dengan hasrat kemenjadian murid seperti ciri-ciri psikologi, kerajinan, inovatif, kreatif yang diukur menggunakan instrument yang mempunyai kesahan yang dipercayai melalui penggunaan instrument senarai semak, pemerhatian, sosiometrik, soal selidik, analisis jurnal , temu bual , dan sebagainya.


c) .Menjadi asas rujukan bagi mengetahui tahap kemenjadian murid itu sendiri dari segi kesahan rekod supaya dapat memberi maklumat sebenar kualiti pendidikan yang dilaksanakan dan tahap pencapaian murid itu sendiri.

d) Keupayaan guru melaksanakan pentaksiran dari segi kecekapan dan kompetensi

e) Memberi autonomi dan *empowwermen* lebih luas kepada guru untuk melaksanakan tugas

- f) Hasil daripada pentaksiran dapat memberi impak kepada pelajar dari segi mencungkil dan mengembangkan potensi sebenar murid dan juga dapat dijadikan asas kepada penambahbaikan dan memperbaiki kelemahan murid
- g) Dapat memberi dorongan dan motivasi kepada murid, guru, sekolah dan ibubapa secara keseluruhannya
- h) Dapat menjadi asas tindakan proaktif guru dan pihak sekolah dari segi
 - Penambahbaikan kepada strategi guru dan pentadbir sekolah dalam proses pembelajaran, aktiviti ko kurikulum dan keberkesanan program yang dilaksanakan di peringkat sekolah yang mencakupi domain kognitif, psikomotor dan afektif
 - Penyediaan program susulan yang lebih berkesan dalam menghasilkan kemenjadian murid berdasarkan data dan maklumat yang direkodkan dalam proses pentaksiran
 - Memberi maklumbalas terhadap perbezaan dalam kalangan murid dari segi tahap kemenjadian mereka.

Kertas ini mencadangkan kerangka model untuk mentaksir kemenjadian pelajar seperti tertera pada rajah berikut :



Model yang dicadangkan tersebut juga telah mengambilkira mengambil kira aspek kemenjadian murid seperti yang didokumenkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 dalam kluster aspirasi murid yang mensasarkan enam dimensi kemenjadian iaitu dari segi;

- a) Kemahiran memimpin
- b) Kemahiran berfikir
- c) Pengetahuan
- d) Identiti nasional
- e) Etika dan kerohanian
- f) Kemahiran dwibahasa

Dari segi output Kemenjadian pelajar tahfiz sebagai Generasi Al Quran holistic

Perlu juga merangkumi elemen integriti (al Qawiyul Amin) dan memiliki Kemahiran

Daya Fikir (Ulul Albab)

CABARAN DALAM PROSES PENTAKSIRAN HOLISTIK

Generasi Al Quran merupakan output penting matlamat pendidikan tahfiz. Dalam masa yang sama sekolah-sekolah tahfiz seharusnya berupa menggraduatkan pelajar soleh seperti yang dicirikan oleh Hasan Langgulung (1991) bahawa insan soleh adalah manusia yang mendekati kesempurnaan yakni manusia yang mempunyai keimanan, ketaqwaan, memelihara hubuingannya dengan Allah, memelihara segala bentuk tingkahlakunya, fikirannya dan segala bentuk kehidupannya.

Sementara generasi Al Quran pula adalah generasi yang menampilkan keunikan keperibadian muslim sejati dari segi fikirannya, mental, spiritual dan akhlaknya. Generasi ini perlu melalui proses asuhan kejiwaan yang tertib sehingga dapat mendidik hati mereka berjiwa merdeka dari “penjajahan nafsu” dan terpengaruh dengan pengaruh kehidupan picisan masyarakat luar. Proses asuhan tersebut berlaku secara formal dan tidak formal dan setiap proses perkembangan pelajar dari aspek domain kognitif, psikomotor dan afektif dipantau secara tekun oleh para guru mereka.

Persoalannya apakah para guru menyedari pentingnya peranan mereka dalam melahirkan rupa corak generasi yang dihasratkan tersebut. Beberapa persoalan berikut perlu direnung khususnya dalam konteks menilai dan mentaksir kemenjadian pelajar. Antara lain adalah dari aspek;

a) Proses ke arah pembentukan kemenjadian.

Sebelum pelajar ditaksir guru dan pihak sekolah perlu mengenal pasti apakah elemen holistik yang hendak ditafsir terangkum dalam proses pengajaran dan pembelajaran, aktiviti kokurikulum dan program yang dilaksanakan di sekolah. Ini adalah bagi memberi keadilan kepada pelajar dan untuk mengelakkan berlakunya kelompokan dalam elemen-elemen yang ditaksir

b) Kompetensi guru melaksanakan tugas mentaksir kemenjadian

Apakah para guru mempunyai kemahiran yang sewajarnya dalam mentaksir pelajar mereka sekurang-kurangnya memahami aplikasi beberapa instrument pentaksiran seperti penyediaan senarai semak, pemerhatian, soal selidik dan asas statistik.

c) Persepsi dan citarasa masyarakat

Persepsi dan citarasa masyarakat merupakan sebahagian dari kekangan dalam melahirkan kemenjadian pelajar secara holistik. Masyarakat sekarang lebih cenderung melihat kejayaan anak mereka dari sudut pencapaian akademik. Aspek pembentukan jati diri, kerohanian dan pentarbiyyahan kejiwaan kurang diberi penumpuan..

d) Profil kesediaan guru melaksanakan perubahan

Aspek kesediaan guru dalam melaksanakan sesuatu inovasi telah banyak dibincangkan oleh para pengkaji dalam bidang inovasi kurikulum. Lebih-lebih lagi, pelaksanaan pentaksiran kemenjadian murid secara holistic adalah satu inovasi baru yang memerlukan komitmen guru untuk menerima dan bersedia untuk melaksanakannya.

Hall & Louck (1978) menjelaskan profil kesediaan guru dalam melaksanakan inovasi dapat dikelaskan kepada empat kategori guru iaitu;

- a) Guru yang bersikap tidak peduli dan bersikap tidak mengambil tahu dan menganggap keperluan untuk melakukan perubahan tiada kena mengena dengan dirinya

- b) Guru yang terlalu menumpukan hal peribadi untuk “mengelak” dari melaksanakan perubahan. Antarnya ialah memberikan alasan ketidakupayaan dari segi kemahiran, masalah keluarga dan masalah peribadi yang merupakan hak eksklusif dirinya.
- c) Guru yang bersikap proaktif, dinamik, sedia dilatih dan sedia belajar untuk meningkatkan kemahiran. Guru kategori ini suka meneroka, mencari ilmu dan maklumat baru dan cenderung untuk berkongsi pengalaman bersama rakan setugas mahu pun dengan pihak luar sekolah
- d) Guru bersikap futuristik yang memikirkan kepentingan pembinaan generasi masa hadapan bagi masyarakat, bangsa dan negaranya. Guru kategori ini sentiasa mencari jalan dan mencuba idea baru bagi memastikan objektif pendidikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar

RUMUSAN

Pentaksiran mengenai kemenjadian murid secara holistic dan pencapaian matlamat pendidikan tahfiz adalah entiti yang tidak terpisah. Mekanisma bagi menentukan kemenjadian murid dapat dicapai perlu dilakukan secara sistematik. Perlaksanaan tersebut pastinya memerlukan komitmen dan kemahiran guru. Masyarakat di luar komuniti sekolah yang meletakkan hasrat yang tinggi terhadap kemenjadian pelajar tahfiz perlulah diralisasikan. Usaha ini perlu diiringi dengan kesanggupan institusi sekolah tahfiz itu sendiri untuk menggembeleng tenaga, pemikiran dan kreativiti bagi memastikan hasrat murni penubuh sekolah-sekolah tahfiz tidak mengecewakan masyarakat dan ummah secara keseluruhannya..

RUJUKAN

Al-Attas, M.N.(1998). *Filsafat dan praktis Pendidikan Islam*. Bandung: Penerbitan Mizan

Hasan Langgulung (1991). *Asas-asas pendidikan Islam*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hallinger. P.(1998). Educational change in the Southeast Asia. The challenge of creating learning system, *Jurnal of Educational Administration Quarterley*, 32, 5-46

Kamal Hassan (1988). *Pendidikan dan pembangunan negara*. Kuala Lumpur: Nuri Enterpriise.

Taspcott, D. (2008). *Grown up digital: How the net generation is changing your world*. New York: McGraw Hill

Tyler, R. (1949). *Basic principles of curriculum and instruction*. Chicago: University of Chicago Press